

## **Soalan- soalan temubual**

### **A. Temubual dengan penduduk Kecamatan Babat:**

1. Nama dan pekerjaan anda?
2. Apakah hubungan anda dengan waris?
3. Apakah anda pernah belajar *faraid*?
4. Dalam keluarga anda pernah membahagi harta pusaka?
5. Bagaimanakah harta pusaka itu dibahagikan? Mengikut hukum Islam atau adat?
6. Jika harta dibahagikan mengikut hukum adat, bilakah masa pembahagian harta pusaka itu dilakukan? Sebelum waris meninggal atau selepas waris meninggal?
7. Dalam pembahagian harta pusaka itu, adakah anda membahagikannya sendiri atau meminta bantuan orang lain?
8. Apakah sebabnya keluarga anda menggunakan cara itu dalam membahagikan harta pusaka?
9. Adakah masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pembahagian harta pusaka tersebut?
10. Dalam pembahagian itu, siapakah yang menjadi ahli waris?
11. Berapakah harta yang ditinggalkan?
12. Bagaimanakah perincian pembahagian harta pusaka itu dilakukan?

**B. Temubual dengan encik Nur Alim:**

1. Di kecamatan Babat majoriti penduduknya beragama Islam dan banyak juga pusat pendidikan Islam. Menurut anda, sejauh manakah minat dan kefahaman mereka terhadap Hukum Pusaka Islam?
2. Adakah terdapat usaha pemerintah dalam mengenalkan hukum pusaka Islam kepada masyarakat Muslim kecamatan Babat?
3. Menurut anda, manakah yang lebih banyak digunakan dalam membahagikan harta pusaka, hukum pusaka Islam atau hukum adat?
4. Apakah alasan mereka dalam memilih hukum pusaka tersebut?